

SAMSUNG

KETU HAR GELOMBANG MIKRO

Panduan Pemilik dan Panduan Memasak


PG113UC




Panduan Cari Cepat.....	2
Ketuh ar.....	3
Aksesori.....	3
Panel Kawalan	4
Menggunakan Buku Panduan ini	4
Langkah-Langkah Keselamatan	5
Memasang Ketuh ar Gelombang Mikro Anda.....	7
Melaraskan Masa	7
Apa yang Perlu Dilakukan jika Anda Berasa Ragu-Ragu atau Menghadapi Masalah.....	8
Memasak / Memanas Semula.....	8
Aras Kuasa.....	9
Memberhentikan Proses Memasak	9
Melaraskan Masa Memasak	9
Menggunakan Ciri Memanas Semula Automatik.....	10
Menggunakan Ciri Memasak Automatik	11
Menggunakan Ciri Mencair Beku Kuasa.....	12
Ciri Mencair Beku Kuasa.....	12
Memilih Kedudukan Elemen Pemanas bagi Pemanas Bawah.....	13
Kedudukan aksesori.....	13
Memilih Aksesori	13
Menggunakan Gril Atas.....	14
Menggril Kuasa	14
Mod Kitaran Gelombang Mikro-Gril Atas	15
Mod Kitaran Gelombang Mikro-Gril Kuasa	16
Menggunakan Ciri Memasak Automatik Gril Kuasa	17
Menggunakan Ciri Memanas Semula Automatik Gril Kuasa....	18
Menggunakan Ciri Penyahbauan.....	19
Mematikan Pembunyi Bip	20
Mengunci Ketuh ar Gelombang Mikro Anda untuk Keselamatan	20
Menggunakan butang Pembersihan Mudah.....	20
Panduan Perkakas Memasak	21
Panduan Memasak	22
Membersihkan Ketuh ar Gelombang Mikro Anda.....	33
Menyimpan dan Membaiki Ketuh ar Gelombang Mikro Anda ...	34
Spesifikasi Teknikal.....	34

Panduan Cari Cepat

Jika anda mahu memasak makanan




1. Letakkan makanan itu di dalam ketuhar. Pilih aras kuasa dengan menekan butang () sekali atau beberapa kali.




2. Pilih masa memasak dengan menekan butang **10min**, **1min** atau **10s** seperlunya.




3. Tekan butang  .
Result : Proses memasak bermula. Ketuhar berbunyi bip empat kali apabila proses memasak tamat.

Jika anda mahu mencairbekukan makanan




1. Letakkan makanan sejuk beku itu di dalam ketuhar. Tekan butang **Power(Kuasa, )** sekali atau beberapa kali menurut jenis makanan yang hendak dicairbekukan.



2. Pilih berat makanan tersebut dengan menekan butang **kg** and **g** seperlunya.




3. Tekan butang  .

Jika anda mahu menambah satu minit lagi





- Biarkan makanan itu di dalam ketuhar. Tekan **+30s** sekali atau beberapa kali bagi setiap 30 saat yang ingin anda tambahkan.


Jika anda mahu menggril kuasa makanan



1. Letakkan makanan itu di atas rak di dalam ketuhar. Tekan butang **Power Grill(Gril Kuasa)**.





2. Pilih mod **Gril Kuasa ()** dengan memutar **Tombol Mod Gril**.




3. Pilih masa menggril dengan menekan butang **10min**, **1min** dan **10s**.




4. Tekan butang  .




Bergantung kepada model yang telah anda beli, anda diberikan beberapa aksesori yang boleh digunakan dengan pelbagai cara.




- Pengganding**, sudah diletakkan di atas aci motor di dasar ketuhar.
Purpose Pengganding memutar pinggan putar.




- Gelang roda**, perlu diletakkan di tengah-tengah ketuhar.
Purpose Gelang roda menyokong pinggan putar.




- Pinggan putar**, perlu diletakkan pada gelang roda dengan bahagian tengahnya terpasang pada pengganding.
Purpose Pinggan putar berfungsi sebagai permukaan memasak utama; ia boleh dikeluarkan dengan mudah untuk dibersihkan.



- Rak logam**
Purpose Rak logam boleh digunakan dalam proses memasak menggunakan gril dan gabungan dan gril kuasa.




- Dulang logam**
Purpose Dulang logam digunakan untuk memerangkan makanan dengan lebih baik dalam Mod Memasak Gabungan gril dan mengekalkan kerangapan pastri dan dough pizza.



- Sarung tangan tahan haba**
Purpose Gunakan sarung tangan keselamatan semasa mengeluarkan rak logam atau pinggan putar atau bekas dari ketuhar selepas memasak.



JANGAN kendalikan ketuhar gelombang mikro tanpa gelang roda dan pinggan putar.



- | | |
|--|--|
| 1. SETING GRIL | 11. BUTANG BERHENTI/BATAL |
| 2. MOD GRIL KUASA | 12. MOD KITARAN GELOMBANG MIKRO-GRIL KUASA |
| 3. TOMBOL GRIL KUASA | 13. MOD GRIL |
| 4. BUTANG PELARAS JAM | 14. MOD KITARAN GELOMBANG MIKRO-GRIL ATAS |
| 5. PILIHAN MEMASAK AUTOMATIK GRIL KUASA | 15. BUTANG PEMBERSIHAN MUDAH |
| 6. PILIHAN MEMANAS SEMULA AUTOMATIK GRIL KUASA | 16. MEMANAS SEMULA AUTOMATIK |
| 7. PILIHAN CIRI MENCAIR BEKU KUASA | 17. MEMASAK AUTOMATIK |
| 8. PILIHAN BERAT MAKANAN | 18. SAIZ HIDANGAN |
| 9. SETING MOD ARAS KUASA GELOMBANG MIKRO | 19. BUTANG LEBIH/KURANG |
| 10. SETING MASA | 20. BUTANG PENYAHBAUAN |
| | 21. BUTANG MULA |

Anda baru sahaja membeli ketuhar gelombang mikro SAMSUNG. Panduan Pemilik anda mengandungi banyak maklumat yang berguna mengenai cara memasak menggunakan ketuhar gelombang mikro anda:

- Langkah-langkah keselamatan
- Aksesori dan perkakas memasak yang sesuai
- Petua memasak yang berguna

Di bahagian dalam kulit buku anda akan mendapati panduan cari cepat yang menjelaskan empat operasi memasak yang asas:

- Memasak makanan
- Mencair beku makanan
- Menggril kuasa makanan
- Menambah masa memasak

Di bahagian hadapan buku panduan ini anda akan mendapati ilustrasi ketuhar, dan lebih penting lagi panel kawalan, supaya boleh anda mencari butang-butang dengan lebih mudah.

• Prosedur langkah demi langkah menggunakan tiga simbol yang berlainan.



Penting



Nota



Amaran

Menggunakan Buku Panduan ini (sambungan)

LANGKAH BERJAGA-JAGA BAGI MENGELAKKAN PENDEDAHAN KEPADA TENAGA GELOMBANG MIKRO YANG BERLEBIHAN

Kegagalan mematuhi langkah-langkah keselamatan berikut boleh mengakibatkan pendedahan kepada tenaga gelombang mikro yang memudaratkan.

- Dalam apa keadaan sekalipun, jangan sekali-kali cuba mengendalikan ketuhar dengan pintunya terbuka atau mengusik saling kunci keselamatan (selak pintu) atau memasukkan apa-apa benda ke dalam lubang saling kunci keselamatan.
- Jangan letakkan sebarang objek di antara pintu ketuhar dengan muka depan atau membiarkan sisa makanan atau bahan pembersih terkumpul pada permukaan kedap. Pastikan pintu dan permukaan kedap pintu sentiasa bersih dengan mengelapnya selepas digunakan mula-mula dengan kain lembap dan kemudian dengan kain kering yang lembut.
- Jangan kendalikan ketuhar jika ia rosak sehingga ia telah dibaiki oleh juruteknik servis gelombang mikro yang berkelayakan yang dilatih oleh pembuat.
Adalah penting sekali pintu ketuhar ditutup dengan betul dan tiada kerosakan pada:
 - Pintu, kedap pintu dan permukaan kedap
 - Engsel pintu (pecah atau longgar)
 - Kabel kuasa
- Ketuhar tidak harus dilaras atau dibaiki oleh sesiapa pun kecuali jurutaknik servis gelombang mikro yang berkelayakan yang dilatih oleh pembuat.

Langkah-Langkah Keselamatan

Arahan Keselamatan Penting.

Baca dengan Teliti dan simpan untuk rujukan pada masa hadapan.

Sebelum memasak makanan atau cecair di dalam ketuhar gelombang mikro anda, sila pastikan bahawa langkah-langkah keselamatan yang berikut diambil:

- JANGAN** gunakan sebarang perkakas memasak logam di dalam ketuhar gelombang mikro:
 - Bekas logam
 - Set makan malam yang mempunyai perapi emas atau perak
 - Pencucuk daging, garpu, dan sebagainya.

Sebab: Pengarkaan atau pencucuhan elektrik boleh berlaku dan boleh merosakkan ketuhar.
- JANGAN** panaskan:
 - Botol, balang, atau bekas yang kedap udara atau kedap vakum
Contoh) Balang makanan bayi
 - Makanan kedap udara.
Contoh) Telur, kacang di dalam kulit, tomato

Sebab: Tekanan yang meningkat boleh menyebabkan ia meletup.
Petua: Tanggalkan penutup dan cucuk kulit, beg, dan lain-lain.
- JANGAN** kendalikan ketuhar gelombang mikro semasa ia kosong.
Sebab: Dinding ketuhar boleh menjadi rosak.
Petua: Tinggalkan segelas air di dalam ketuhar sepanjang masa. Air itu akan menyerap gelombang mikro jika anda secara tidak sengaja menghidupkan ketuhar semasa ia kosong.
- JANGAN** tutup lubang-lubang alur pengalihan udara di belakang ketuhar dengan kain atau kertas.
Sebab: Kain atau kertas itu boleh terbakar kerana udara panas dilepaskan dari ketuhar.
- SENTIASA** gunakan sarung tangan ketuhar apabila mengeluarkan bekas dari ketuhar.
Sebab: Seseengah bekas menyerap gelombang mikro dan haba sentiasa dipindahkan dari makanan ke bekas. Oleh itu, bekas menjadi panas.
- JANGAN** sentuh dinding dalaman ketuhar.
Sebab: Dinding-dinding ini mungkin cukup panas untuk melecurkan kulit walaupun selepas proses memasak selesai, meskipun ia tidak kelihatan panas. Jangan biarkan bahan-bahan mudah terbakar bersentuhan dengan mana-mana bahagian dalaman ketuhar. Biarkan ketuhar sejuk dahulu.

Langkah-Langkah Keselamatan (sambungan)

7. Untuk mengurangkan risiko kebakaran di dalam rongga ketuhar:
- Jangan simpan bahan-bahan mudah terbakar di dalam ketuhar
 - Tanggalkan ikatan pintal dawai dari beg kertas atau plastik
 - Jangan gunakan ketuhar gelombang mikro untuk mengeringkan surat khabar.
 - Jika asap kelihatan, biarkan pintu ketuhar tertutup dan matikan ketuhar atau cabut palam ketuhar dari soket bekalan kuasa.
8. Anda harus amat berhati-hati apabila memanaskan cecair dan makanan bayi.
- SENTIASA berikan masa biar (standing time) sekurang-kurangnya 20 saat selepas ketuhar dimatikan supaya suhu boleh menjadi sama. Kacau semasa memanaskan, jika perlu, dan SENTIASA kacau selepas memanaskan.
 - Berhati-hati apabila memegang bekas selepas memanaskan. Kulit anda mungkin melecur jika bekas terlalu panas.
 - Terdapat risiko berlakunya didihan lambat yang membuak-buak.
 - Untuk mencegah didihan lambat dan kemungkinan kulit anda melecur, anda harus meletakkan sudu plastik atau batang kaca ke dalam minuman dan kacau sebelum, semasa dan selepas memanaskannya.
Sebab: Semasa memanaskan cecair, takat didih boleh jadi lambat; ini bermakna didihan yang membuak-buak boleh bermula selepas bekas dikeluarkan dari ketuhar. Kulit anda boleh melecur.
 - Sekiranya kulit anda melecur, ikut arahan PERTOLONGAN CEMAS berikut:
 - * Benamkan bahagian yang melecur dalam air sejuk selama sekurang-kurangnya 10 minit.
 - * Balut dengan pembalut yang bersih dan kering.
 - * Jangan bubuh sebarang krim, minyak atau losen.
 - **JANGAN SEKALI-KALI** mengisi bekas sehingga penuh dan pilih bekas yang bahagian atasnya lebih luas daripada bahagian bawahnya untuk mencegah cecair daripada mendidih keluar. Botol berleher sempit juga boleh meletup jika terlampau panas.
 - **SENTIASA** periksa suhu makanan atau susu bayi sebelum memberinya kepada bayi.
 - **JANGAN SEKALI-KALI** memanaskan botol bayi dengan putingnya terpasang, kerana botol boleh meletup jika terlampau panas.
9. Berhati-hati agar tidak merosakkan kabel kuasa.
- Jangan benamkan kabel kuasa atau palam di dalam air dan jauhkan kabel kuasa dari permukaan yang panas.
 - Jangan kendalikan peralatan ini jika kabel kuasa atau palamnya rosak.
10. Berdiri sejauh kira-kira dua kaki dari ketuhar apabila membuka pintunya.
Sebab: Udara atau wap panas yang dilepaskan boleh melecurkan kulit.

11. Pastikan bahagian dalam ketuhar sentiasa bersih.
Sebab: Remah-remah makanan atau percikan minyak yang melekat pada dinding atau lantai ketuhar boleh menyebabkan kerosakan pada cat dan mengurangkan kecekapan ketuhar.
12. Anda mungkin mendengar bunyi "Klik" semasa ketuhar sedang beroperasi (terutamanya semasa ketuhar sedang mencair beku).
Sebab: Bunyi ini adalah normal apabila output kuasa elektrik sedang bertukar.
13. Apabila ketuhar gelombang mikro sedang beroperasi tanpa sebarang muatan, kuasa akan terputus secara automatik untuk keselamatan. Anda boleh menggunakan ketuhar seperti biasa selepas membiarkan ia selama lebih dari 30 minit.

ARAHAN KESELAMATAN PENTING

Semasa memasak, anda harus melihat ke dalam ketuhar dari semasa ke semasa apabila makanan sedang dipanaskan atau dimasak di dalam bekas pakai buang yang diperbuat daripada plastik, kertas atau bahan mudah terbakar lain.

PENTING


Kanak-kanak kecil atau orang-orang yang lemah tidak harus **SEKALI-KALI** dibenarkan menggunakan atau bermain dengan ketuhar gelombang mikro. Mereka juga tidak harus dibiarkan berada dekat dengan ketuhar gelombang mikro tanpa jagaan semasa ia sedang digunakan. Barang-barang yang menarik minat kanak-kanak tidak harus disimpan atau disembunyikan di atas ketuhar.

Memasang Ketuhar Gelombang Mikro Anda

Letakkan ketuhar di atas permukaan datar dan rata yang cukup kuat untuk menanggung berat ketuhar dengan selamat.



1. Apabila anda memasang ketuhar anda, pastikan terdapat pengalihan udara yang mencukupi untuk ketuhar anda dengan meninggalkan ruang sekurang-kurangnya 10 cm (4 inci) di belakang, dan di tepi ketuhar dan 20 cm (8 inci) di atas ketuhar dan 85 cm (33 inci) dari lantai.
2. Keluarkan semua bahan pembungkusan dari dalam ketuhar. Pasang gelang roda dan pinggan putar. Periksa bagi memastikan pinggan putar berputar dengan lancar.
3. Ketuhar gelombang mikro ini harus diletakkan di tempat yang sesuai supaya palamnya mudah dicapai.



- * **Jangan sekali-kali** menghalang bolong-bolong udara kerana ketuhar boleh menjadi terlampau panas dan mati sendiri secara automatik. Ia tidak boleh dikendalikan sehingga ia telah sejuk secukupnya.
- * Untuk keselamatan peribadi anda, palamkan kabel ke dalam soket terbumi AC 3 pin, 230 Volt, 50 Hz. Jika kabel kuasa peralatan ini rosak, ia mestilah diganti oleh pembuat atau wakil servisnya atau orang yang sama berkelayakan untuk mengelakkan bahaya.
- * **Jangan** pasang ketuhar gelombang mikro dalam persekitaran yang panas atau lembap seperti di sebelah ketuhar tradisional atau penyinar. Spesifikasi bekalan kuasa bagi ketuhar mestilah dipatuhi dan sebarang kabel sambungan yang digunakan mestilah daripada piawai yang sama dengan kabel kuasa yang dibekalkan dengan ketuhar. Lap bahagian dalam dan kedap pintu dengan kain yang lembap sebelum menggunakan ketuhar gelombang mikro anda buat pertama kali.

Melaraskan Masa

Ketuhar gelombang mikro anda mempunyai jam terbina dalam. Masa boleh dipaparkan dalam notasi 24 jam atau 12 jam. Anda mestilah melaras jam:

- Apabila anda mula-mula memasang ketuhar gelombang mikro anda
- Selepas bekalan elektrik terputus



Jangan lupa untuk melaras semula jam apabila anda beralih dari waktu musim panas kepada waktu musim sejuk dan sebaliknya.



1. Untuk memaparkan masa dalam...Kemudian tekan butang

notasi 24 jam
notasi 12 jam

⌚ ...
Sekali
Dua kali





2. Laraskan jam dengan butang **h** dan minit dengan butang **min**.



3. Apabila masa yang betul dipaparkan, tekan butang ⌚ sekali lagi untuk memulakan jam.
Result : Masa dipaparkan apabila anda tidak menggunakan ketuhar gelombang mikro.

Apa yang Perlu Dilakukan jika Anda Berasa Ragu-Ragu atau Menghadapi Masalah

Jika anda menghadapi sebarang masalah yang disenaraikan di bawah cuba penyelesaian yang diberikan.


- ◆ Ini adalah perkara biasa.
 - Pemeluwapan di dalam ketuhar
 - Aliran udara di sekeliling pintu dan bingkai luar
 - Pantulan cahaya di sekeliling pintu dan bingkai luar
 - Wap keluar dari sekeliling pinta atau bolong-bolong
- ◆ Ketuhar tidak bermula apabila anda menekan butang .
 - Adakah pintunya tertutup rapat?
- ◆ Makanan tidak masak langsung
 - Sudahkah anda melaras pemasa dengan betul dan/atau menekan butang ?
 - Adakah pintunya tertutup?
 - Adakah litar elektrik anda mempunyai beban yang berlebihan yang menyebabkan fius terbakar atau menyebabkan alat pemutus terpasang?
- ◆ Makanan sama ada terlampau masak atau kurang masak
 - Adakah jangka masa memasak yang sesuai dilaraskan untuk jenis makanan itu?
 - Adakah aras kuasa yang sesuai dipilih?
- ◆ Percikan bunga api dan bunyi meletup-letup berlaku di dalam ketuhar (pengarkaan)
 - Adakah anda menggunakan bekas yang mempunyai perapi logam?
 - Adakah anda tertinggal garpu atau perkakas logam yang lain di dalam ketuhar?
 - Adakah kerajang aluminium terlalu hampir dengan dinding bahagian dalam?
- ◆ Ketuhar menyebabkan gangguan pada radio dan televisyen
 - Sedikit gangguan mungkin berlaku pada televisyen atau radio apabila ketuhar sedang beroperasi. Ini adalah perkara biasa. Untuk menyelesaikan masalah ini, pasang ketuhar jauh dari televisyen, radio dan aerial.
 - Jika gangguan dikesan oleh mikropemproses ketuhar, paparan boleh dilaras semula. Untuk menyelesaikan masalah ini, cabut palam kuasa dan pasang ia semula. Laraskan semula masa.
- ☒ Jika garis panduan yang di atas tidak dapat menyelesaikan masalah anda, hubungi wakil penjual setempat anda atau perkhidmatan selepas jualan SAMSUNG.


Memasak / Memanas Semula


Prosedur berikut menerangkan cara memasak atau memanaskan semula makanan. **SENTIASA** periksa seting memasak anda sebelum meninggalkan ketuhar tanpa jagaan.

Mula-mula, letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar. Kemudian, tutup pintunya.




1. Tekan butang .

Result : Penunjuk 900W (kuasa memasak maksimum) dipaparkan:
Pilih aras kuasa yang sesuai dengan menekan butang  sekali lagi sehingga wattan yang sepadan dipaparkan. Rujuk kepada jadual aras kuasa di muka surat yang berikut.



2. Laraskan masa memasak dengan menekan butang **10min. 1min dan 10s.**



3. Tekan butang .

Result : Lampu ketuhar menyala dan pinggan putar mula berputar.

- (1) Proses memasak bermula dan apabila ia selesai ketuhar berbunyi bip empat kali.
- (2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit).
- (3) Masa semasa dipaparkan semula.



Jangan sekali-kali hidupkan ketuhar gelombang mikro semasa ia kosong.



Palam ketuhar mestilah dipasang pada soket dinding yang sesuai. Pinggan putar mestilah berada di kedudukannya di dalam ketuhar. Jika aras kuasa yang lain daripada aras maksimum digunakan, air akan mengambil masa lebih lama untuk mendidih.



Jika anda mahu memanaskan satu hidangan untuk jangka masa yang singkat pada kuasa maksimum (900W), tekan sahaja butang **+30s** sekali untuk setiap 30 saat masa memasak. Ketuhar akan bermula dengan serta-merta.

Aras Kuasa



Anda boleh memilih antara aras kuasa yang di bawah.




Aras Kuasa	Output		
	MWO	GRIL ATAS (Pemanas Atas)	GRIL KUASA (Pemanas Atas + Bawah)
TINGGI	900 W		
SEDERHANA TINGGI	600 W		
SEDERHANA	450 W		
SEDERHANA RENDAH	300 W		
CAIR BEKU(**)	180 W		
RENDAH/SENTIASA HANGAT	100 W		
GRIL	-	900 W	1850 W
GABUNGAN I	300 W	900 W	1850 W
GABUNGAN II	450 W	900 W	1850 W
GABUNGAN III	600 W	900 W	1850 W

✉ Jika anda memilih aras kuasa yang lebih tinggi, masa memasak mestilah dikurangkan. Jika anda memilih aras kuasa yang lebih rendah, masa memasak mestilah ditambah.


Memberhentikan Proses Memasak

Anda boleh memberhentikan proses memasak pada bila-bila masa untuk memeriksa makanan.



- Untuk berhenti sementara;
Buka pintu ketuhar.
Result : Proses memasak berhenti. Untuk meneruskan proses memasak, tutup pintu ketuhar dan tekan  sekali lagi.
- Untuk berhenti Sama Sekali;
Tekan butang .
Result : Proses memasak berhenti. Jika anda mahu membatalkan seting memasak, tekan butang **Batal**() sekali lagi.



Anda boleh membatalkan sebarang seting sebelum mula memasak dengan hanya menekan **Batal**().

Melaraskan Masa Memasak

Anda boleh menambah masa memasak dengan menekan butang +30 sekali untuk setiap 30 saat yang hendak ditambahkan.



Tekan butang **+30s** sekali untuk setiap 30 saat yang hendak ditambahkan.



✉ Anda tidak boleh melaraskan masa semasa proses memasak apabila mod-mod Automatik dipilih.

Menggunakan Ciri Memanas Semula Automatik

Dengan ciri Memanas Semula Automatik, masa memasak dilaraskan secara automatik. Anda boleh melaras julat berat hidangan dengan menekan butang Memanas Semula Automatik yang sesuai seberapa banyak kali yang perlu.

Mula-mula, letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar. Kemudian, tutup pintunya.




1. Tekan butang **Auto** (Auto) yang anda mahu seberapa banyak kali yang perlu.





2. Pilih saiz hidangan dengan menekan butang .



3. Tambahkan atau kurangkan masa memasak, jika perlu, dengan menekan butang **LEBIH/KURANG** (LEBIH/KURANG).






4. Tekan butang 
Result : Apabila ia selesai:
(1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
(2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali. (sekali setiap minit)
(3) Masa semasa dipaparkan semula.

 Gunakan hanya bekas yang selamat digunakan dengan gelombang mikro.

Jadual yang berikut menunjukkan 3 Program Memanas Semula Automatik dan kuantiti, masa biar (standing times) dan cadangan-cadangan yang sesuai.


Program-program ini berjalan dengan gelombang mikro sahaja.

Kod	Makanan	Saiz Hidangan	Masa biar	Cadangan
1	 Hidangan Siap Sedia (dingin)	300-350 g 400-450 g	3 min	Letakkan di atas pinggan seramik dan tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Program ini sesuai untuk hidangan yang terdiri daripada 3 komponen (contohnya daging dengan sos, sayur dan hidangan sampingan seperti kentang, nasi atau pasta).
2	 Sup/Stew (dingin)	300-350 ml 400-450 ml 500-550 ml	3 min	Tuang sup atau sos ke dalam pinggan atau mangkuk sup seramik yang dalam. Tutup semasa memanaskan dan masa biar. Kacau sebelum dan selepas masa biar.
3	 Minuman (kopi, susu, teh, air pada suhu bilik)	150 ml (1 cawan) 300 ml (2 cawan) 450 ml (3 cawan) 600 ml (4 cawan)	1-2 min	Tuang cecair ke dalam cawan seramik dan panaskan semula tanpa ditutup. Letakkan satu cawan di tengah-tengah, 2 cawan bertentangan dengan satu sama lain dan 3 atau 4 cawan dalam satu bulatan. Biarkan ia pegun di dalam ketuhar gelombang mikro. Kacau minuman sebelum dan selepas masa biar. Berhati-hati semasa mengeluarkan cawan-cawan (lihat arahan keselamatan untuk cecair).

Menggunakan Ciri Memasak Automatik

Dengan ciri Memasak Automatik, masa memasak dilaraskan secara automatik. Anda boleh melaraskan saiz hidangan (atau julat berat hidangan) dengan menekan butang Memasak Automatik yang sesuai beberapa kali seperlunya.

Mula-mula, letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar. Kemudian, tutup pintunya.



1. Tekan butang **Auto** (☺) yang anda mahu seberapa banyak kali yang perlu.



2. Pilih saiz hidangan dengan menekan butang ☺.



3. Tambahkan atau kurangkan masa memasak, jika perlu, dengan menekan butang **LEBIH/KURANG** (⊕/⊖).



4. Tekan butang **Result** : Apabila ia selesai:
 - (1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
 - (2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali. (sekali setiap minit)
 - (3) Masa semasa dipaparkan semula.

✉ Gunakan hanya bekas yang selamat digunakan dengan gelombang mikro.

Jadual yang berikut menunjukkan 3 Program Memasak Automatik dan kuantiti, masa biar (standing times) dan cadangan-cadangan yang sesuai.

Program-program ini berjalan dengan gelombang mikro sahaja.


Kod	Makanan	Saiz Hidangan	Masa biar	Cadangan
1	Sayur-sayuran	200-250 g 300-350 g 400-450 g 500-550 g	3 min	Timbang sayur selepas mencuci, membersihkan dan memotong supaya saiznya sama. Letakkan ia di dalam mangkuk kaca yang bertutup. Tambahkan 30 ml (2 sudu besar) air semasa memasak 200-250 g, tambahkan 45 ml (3 sudu besar) untuk 300-450 g dan tambahkan 60 ml (4 sudu besar) untuk 500-550 g. Kacau selepas memasak. Apabila memasak kuantiti yang lebih banyak kacau sekali semasa memasak.
2	Sayur-sayuran Sejuk Beku	200-250 g 300-350 g 400-450 g 500-550 g	4 min	Timbang sayur sejuk beku (-18°C) dan letakkan ia di dalam mangkuk pyrex kaca bertutup yang sesuai saiznya. Apabila memasak 200-350 g tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air untuk 400-550 g tambahkan 30 ml (2 sudu besar). Kacau selepas memasak dan sebelum menghidangkannya. Program ini sesuai untuk kacang pis, jagung manis, brokoli, kubis bunga dan sayur-sayuran campur seperti kacang pis, lobak merah dan kubis bunga.
3	Kentang	300-350 g 400-450 g 500-550 g 600-650 g	3 min	Timbang kentang selepas mengupas, mencuci dan memotong supaya saiznya sama. Letakkan ia di dalam mangkuk kaca yang bertutup. Tambahkan 45 ml (3 sudu besar) air semasa memasak 300-450 g, tambahkan 60 ml (4 sudu besar) untuk memasak 500-650g.

Menggunakan Ciri Mencair Beku Kuasa

Dengan ciri Mencair Beku Kuasa anda boleh mencairbekukan daging, ayam itik, ikan atau Roti/kek dengan mudah. Masa mencair beku dan aras kuasa dilaraskan secara automatik. Anda hanya pilih program dan berat makanan.

- ☒ Gunakan hanya bekas yang selamat digunakan dengan gelombang mikro.


Mula-mula, letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar. Kemudian, tutup pintunya.



1. Tekan butang **Power(Kuasa, ⚡⚡)**.
Tekan butang **Power(Kuasa, ⚡⚡)** sekali atau beberapa kali menurut jenis makanan yang hendak dicairbekukan. Rujuk kepada jadual untuk butiran lanjut.



2. Pilih berat makanan tersebut dengan menekan butang **kg** and **g**.



3. Tekan butang **◇**.
Result :





- ◆ Proses mencair beku bermula.
- ◆ Ketuhar berbunyi bip separuh jalan semasa mencair beku untuk mengingatkan anda supaya membalikkan makanan itu.
- ◆ Tekan **◇** sekali lagi untuk menghabiskan proses mencair beku. Apabila ia selesai:
 - (1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
 - (2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit).
 - (3) Masa semasa dipaparkan semula.

- ☒ Anda juga boleh mencairbekukan makanan secara manual. Untuk membuat demikian, pilih fungsi memasak/memas semula gelombang mikro dengan aras kuasa 180W. Rujuk kepada bahagian yang bertajuk "Memasak/Memas Semula" di page 8 untuk butiran lanjut.

Ciri Mencair Beku Kuasa

Jadual yang berikut menunjukkan pelbagai program Mencair Beku Kuasa, kuantiti, masa biar (standing times) dan cadangan yang sesuai.


Keluarkan semua jenis bahan pembungkusan sebelum mencair beku. Letakkan daging, ayam itik dan ikan di atas pinggan seramik.

Kod	Makanan	Saiz Hidangan	Masa biar	Cadangan
1	Daging 	200-2000g	20-90min	Balut bahagian-bahagian tepi dengan kerajang aluminium. Balikkan daging apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini hanya sesuai untuk daging lembu, kambing, babi, stik, potongan daging, daging kisar.
2	Ayam Itik 	200-2000g	20-90min	Balut bahagian kaki dan hujung kepak dengan kerajang aluminium. Balikkan ayam itik apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini sesuai untuk seekor ayam dan juga kepingan-kepingan ayam.
3	Ikan 	200-2000g	20-80min	Balut bahagian ekor ikan dengan kerajang aluminium. Balikkan ikan apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini sesuai untuk seekor ikan dan juga untuk filet ikan.
4	Roti/kek 	125-1000g	10-60min	Letakkan roti di atas sehelai kertas dapur dan balikkan sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Letakkan kek di atas pinggan seramik dan jika boleh, balikkan sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. (Ketuhar terus beroperasi dan berhenti apabila anda membuka pintunya. Program ini sesuai untuk semua jenis roti, dalam bentuk kepingan atau sebuku, serta untuk roti rol dan baget. Atur roti rol dalam satu bulatan. Program ini sesuai untuk semua jenis kek ragi, biskut, kek keju dan pastri paf. Ia tidak sesuai untuk pastri rapuh/kerak, kek buah dan krim dan juga untuk kek dengan hias atas coklat.

Memilih Kedudukan Elemen Pemanas bagi Pemanas Bawah

Elemen pemanas digunakan apabila Menggril kuasa. Ia boleh diletakkan di salah satu daripada dua kedudukan:

- Kedudukan mendatar bagi Menggril kuasa, atau proses mod kitaran gelombang mikro-gril kuasa.
- Kedudukan tegak bagi proses memasak gelombang mikro, menggril atau proses mod kitaran gelombang mikro-gril atas. Dengan pemanas atas sahaja.



Jika anda meletakkan makanan di dalam pemanas dan Mod Kitaran Gelombang Mikro-Gril Kuasa, pemanas bawah akan dilaras dalam kedudukan mendatar secara automatik.




Jika anda mahu memanaskan semula pemanas, biarkan ia sejuk dahulu selepas ia dipanaskan. (Minimum 10 minit)


Kedudukan aksesori

Apabila menggunakan rak dan dulang logam pada masa yang sama, jangan letakkan kedua-duanya menghala ke satu arah.


contoh) Jika dulang logam diletakkan di bahagian bawah, rak tidak seharusnya diletakkan di tempat yang sama.



(X)




(X)



(X)

Memilih Aksesori

Gunakan bekas yang selamat digunakan dengan gelombang mikro; jangan gunakan bekas dan pinggan plastik, cawan dan tuala kertas, dan lain-lain.




Jika anda ingin memilih mod memasak gabungan (gril dan gelombang mikro), gunakan hanya bekas yang selamat digunakan dengan gelombang mikro dan juga kalis ketuhar. Perkakas memasak berlogam boleh merosakkan ketuhar anda.



Untuk butiran lanjut mengenai perkakas memasak yang sesuai, rujuk kepada Panduan Perkakas Memasak di page 21.

Menggunakan Gril Atas


Gril atas membolehkan anda memanaskan dan memerang makanan dengan cepat, tanpa menggunakan gelombang mikro. Untuk tujuan ini, sekeping rak gril (rak logam) diberikan bersama dengan ketuhar gelombang mikro anda.



1. Buka pintu ketuhar dan letakkan makanan di atas rak logam.




2. Tekan butang **Power Grill(Gril Kuasa)**.



3. Pilih mod **Gril** (☐) dengan memutar **Tombol Mod Gril**.


Result : Paparan menunjukkan:



4. Pilih masa memasak dengan menekan butang **10min**, **1min** dan **10s**.

(Masa menggril yang maksimum ialah 60 minit.)

Result : Penunjuk yang berikut dipaparkan.



5. Tekan butang ◊.

Result : Lampu ketuhar menyala dan pinggan putar mula berputar.

- (1) Proses memasak bermula dan apabila ia selesai ketuhar berbunyi bip empat kali.
- (2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit).
- (3) Masa semasa dipaparkan semula.

☞ Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar kerana ia sangat panas.

☞ Jangan bimbang jika pemanas bergilir mati dan hidup semasa menggril. Sistem ini direka bentuk untuk mencegah ketuhar menjadi terlalu panas.


☒ Apabila tinggal 5 saat, anda tidak boleh menekan butang **+30s** untuk menambah masa.

Menggril Kuasa


Gril kuasa membolehkan anda memanaskan dan memerang makanan dengan sangat cepat, tanpa menggunakan gelombang mikro. Untuk tujuan ini, sekeping rak gril (rak logam) diberikan bersama dengan ketuhar gelombang mikro anda.

☒ Jika anda memilih Gril Kuasa, dua pemanas bawah akan dilaraskan dalam kedudukan mendatar secara automatik.


☒ Pemanas bawah akan bergerak secara menegak 5 saat sebelum proses memasak tamat.



1. Buka pintu ketuhar dan letakkan makanan di atas rak logam.




2. Tekan butang **Power Grill(Gril Kuasa)**.



3. Pilih Mod **Gril Kuasa** (☐) dengan memutar **Tombol Mod Gril**.


Result : Paparan menunjukkan:



4. Pilih masa memasak dengan menekan butang **10min**, **1min** dan **10s**.

(Masa menggril yang maksimum ialah 60 minit.)

Result : Penunjuk yang berikut dipaparkan:



5. Tekan butang ◊.

Result : Lampu ketuhar menyala dan pinggan putar mula berputar.

- (1) Proses memasak bermula dan apabila ia selesai ketuhar berbunyi bip empat kali.
- (2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit).
- (3) Masa semasa dipaparkan semula.

☞ Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar kerana ia sangat panas.

☒ Apabila tinggal 5 saat, anda tidak boleh menekan butang **+30s** untuk menambah masa.

Mod Kitaran Gelombang Mikro-Gril Atas


Mod ini menggunakan fungsi gelombang mikro dan gril atas secara bergilir, supaya haba sinaran yang datang dari gril dan gelombang mikro memasak dan memerang makanan.

Ia beroperasi hanya semasa pintu ketuhar ditutup. Tiga mod kitaran dengan gelombang mikro dan Gril Atas terdapat dengan model ini:

Mod Kitaran Gril Atas 600W, Mod Kitaran Gril Atas 450W, Mod Kitaran Gril Atas 300W.

☞ **SENTIASA** gunakan perkakas memasak yang selamat digunakan dengan gelombang mikro dan kalis ketuhar. Bekas kaca atau seramik adalah paling sesuai kerana ia membolehkan gelombang mikro menembusi makanan dengan lebih seimbang.


☞ **SENTIASA** gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar kerana ia sangat panas.



1. Letakkan makanan di atas rak dan rak di tingkat tinggi atau tingkat rendah. Tutup pintu ketuhar.



2. Tekan butang **Power Grill(Gril Kuasa)**.



3. Pilih Mod **Kitaran Mwo-Gril** (微波, 微波, 微波) dengan memutar **Tombol Mod Gril**.

Result : Paparan menunjukkan:

 Gril-MWO (300W)

 Gril-MWO (450W)


 Gril-MWO (600W)

Result : Anda tidak boleh melaraskan suhu gril.



4. Laraskan masa memasak dengan menekan butang **10min, 1min** dan **10s**. Masa memasak yang maksimum ialah 60 minit.



5. Tekan butang .

Result : Proses memasak Kitaran Gelombang Mikro-Gril Atas bermula. Apabila ia selesai:

- (1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
- (2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit).
- (3) Masa semasa dipaparkan semula.



Apabila tinggal 5 saat, anda tidak boleh menekan butang **+30s** untuk menambah masa.



Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar kerana ia sangat panas.

Mod Kitaran Gelombang Mikro-Gril Kuasa


Mod ini menggunakan fungsi gelombang mikro dan kuasa secara bergilir, supaya haba sinaran yang datang dari gril dan gelombang mikro memasak dan memering makanan. Ia beroperasi hanya semasa pintu ketuhar ditutup. Oleh kerana makanan diletakkan di tingkat tinggi pada rak, makanan itu memering di sebelah atas dan sebelah bawah. Anda tidak perlu membalikkan makanan.

Tiga mod kitaran dengan gelombang mikro dan Gril Kuasa terdapat dengan model ini:

Mod Kitaran Gril Kuasa 600W, Mod Kitaran Gril Kuasa 450W, Mod Kitaran Gril Kuasa 300W.

☞ **SENTIASA** gunakan perkakas memasak yang selamat digunakan dengan gelombang mikro dan kalis ketuhar. Bekas kaca atau seramik adalah paling sesuai kerana ia membolehkan gelombang mikro menembusi makanan dengan lebih seimbang.


☞ **SENTIASA** gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar kerana ia sangat panas.



1. Letakkan makanan di atas rak dan rak di tingkat tinggi. Tutup pintu ketuhar.



2. Tekan butang **Power Grill(Gril Kuasa)**.



3. Pilih Mod **Kitaran Mwo- Gril Kuasa** (微波, 微波, 微波) dengan memutar **Tombol Mod Gril**.


Result : Paparan menunjukkan:

Gril Kuasa -MWO (300W)

Gril Kuasa -MWO (450W)

Gril Kuasa -MWO (600W)

Result : Anda tidak boleh melaraskan suhu gril.



4. Laraskan masa memasak dengan menekan butang **10min, 1min dan 10s**. Masa memasak yang maksimum ialah 60 minit.



5. Tekan butang .

Result : Proses memasak Kitaran Gelombang Mikro-Gril Kuasa bermula. Apabila ia selesai:

- (1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
- (2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit).
- (3) Masa semasa dipaparkan semula.

☒ Apabila tinggal 5 saat, anda tidak boleh menekan butang **+30s** untuk menambah masa.

☞ Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar kerana ia sangat panas.


Menggunakan Ciri Memasak Automatik Gril Kuasa

Dengan ciri memasak automatik gril kuasa, masa memasak dilaraskan secara automatik. Anda boleh melaraskan saiz hidangan dengan menekan butang memasak automatik gril kuasa seberapa banyak kali yang perlu.

☛ **SENTIASA** gunakan perkakas memasak yang selamat digunakan dengan gelombang mikro dan kalis ketuhar. Bekas kaca atau seramik adalah paling sesuai kerana ia membolehkan gelombang mikro menembusi makanan dengan lebih seimbang.

☛ **SENTIASA** gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar kerana ia sangat panas.

Letakkan makanan di atas rak dan masukkan rak di tingkat tinggi. Kemudian, tutup pintunya.





1. Tekan butang **Memasak Automatik Gril Kuasa** satu atau beberapa kali menurut nombor jenis makanan. Rujuk kepada jadual untuk butiran lanjut. Nombor akan ditunjukkan di paparan.




2. Pilih saiz hidangan dengan menekan butang .




3. Tambahkan atau kurangkan masa memasak, jika perlu, dengan menekan butang **LEBIH/KURANG** ().



4. Tekan butang .

Result : Apabila ia selesai:





 - (1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
 - (2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit).
 - (3) Masa semasa dipaparkan semula.





5. Pemanas-pemanas bawah akan dilaraskan dalam kedudukan mendatar secara automatik.

☒ Gunakan hanya bekas yang selamat digunakan dengan gelombang mikro.

Jadual yang berikut menunjukkan pelbagai Program Automatik Gril Kuasa bagi Daging Panggang, Ayam Itik Panggang dan Ikan Panggang dan kuantiti, masa biar dan cadangan yang sesuai. Program stik berjalan dengan Gril Kuasa sahaja. Program-program yang berikut berjalan dengan gabungan gelombang mikro dan gril kuasa.



Icon	Kod	Makanan	Saiz Hidangan	Masa Biar	Cadangan
	1	Stik	350-400 g (2 keping) 450-500 g (2-3 keping)	-	Sapukan stik lembu atau stik kambing dengan minyak dan rempah. Letakkan stik sebelah-menyebelah di tengah-tengah rak empat segi. Masukkan rak di tingkat tinggi, dulang logam di tingkat rendah.
	2	Cucuk Kebab/ Cucuk Shashilik	400 g (2-4 cucuk) 600 g (4-6 cucuk)	1-2 min.	Sediakan kiub daging babi, lembu atau kambing segar dengan kepingan sayur-sayuran pada pencucuk dan rempahkan ia. (Jangan perap daging dalam cuka.) Letakkan cucuk-cucuk kebab yang telah disediakan sebelah-menyebelah di atas rak. Masukkan rak di tingkat tinggi, dulang logam di tingkat rendah.
	1	Kepingan Ayam	200-300 g (1 keping) 400-500 g (2 keping) 600-700 g (3 keping)	2 min	Sapukan kepingan ayam dengan minyak dan rempahkan dengan lada, garam dan paprika. Letakkan ia dalam satu bulatan di atas rak dengan bahagian kulit di atas. Masukkan rak di tingkat tinggi, dulang logam di tingkat rendah.
	2	Dada Ayam	300 g (1-2 keping) 400 g (2 keping) 500 g (2-3 keping)	-	Perapkan dada ayam. Letakkan dada ayam dalam satu bulatan di atas rak. Masukkan rak di tingkat tinggi, dulang logam di tingkat rendah. Program ini boleh digunakan untuk filet dada ayam dan juga filet dada ayam belanda.

Menggunakan Ciri Memasak Automatik Gril Kuasa (sambungan)

Ikon	Kod	Makanan	Saiz Hidangan	Masa Biar	Cadangan
	1	Ikan Panggang	300 g (1 keping) 600 g (2 keping)	3-4 min.	Sapukan kulit seekor ikan dengan minyak dan garam. Tambahkan herba dan rempah di bahagian dalam ikan. Letakkan seekor ikan mengikut lebarnya di tengah-tengah rak, letakkan dua ekor ikan mengikut lebarnya sebelah-menyebelah, kepala pada ekor di atas rak. Masukkan rak di tingkat tinggi, dulang logam di tingkat rendah. Program ini sesuai untuk seekor ikan seperti ikan trout, kap, dorade atau zander.
	2	Filet Ikan	200-300 g (1 keping) 400-500 g (2 keping)	3-4 min.	Letakkan filet-filet ikan sebelah-menyebelah di tengah-tengah rak. Masukkan rak di tingkat tinggi, dulang logam di tingkat rendah. Program ini sesuai untuk filet ikan seperti salmon, polak atau filet ikan mawar.

Menggunakan Ciri Memanas Semula Automatik Gril Kuasa

Dengan ciri memanas semula automatik gril kuasa, masa memasak dilaraskan secara automatik. Anda boleh melaraskan saiz/bahagian hidangan dengan menekan butang memanas semula automatik gril kuasa yang sesuai seberapa banyak kali yang perlu.

-  **SENTIASA** gunakan perkakas memasak yang selamat digunakan dengan gelombang mikro dan kalis ketuhar. Bekas kaca atau seramik adalah paling sesuai kerana ia membolehkan gelombang mikro menembusi makanan dengan lebih seimbang.
-  **SENTIASA** gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar kerana ia sangat panas.

Mula-mula, letakkan makanan di atas rak dan masukkan rak di tingkat tinggi. Kemudian, tutup pintunya.





1. Tekan butang **Memanas Semula Automatik Gril Kuasa** dan pilih saiz hidangan dengan menekan beberapa kali. Rujuk kepada jadual di muka surat yang berikut untuk butiran lanjut.




2. Tambahkan atau kurangkan masa memasak, jika perlu, dengan menekan butang **LEBIH/KURANG** (⇄).



3. Tekan butang .
Result : Apabila ia selesai:
(1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
(2) Isyarat peringatan tamat akan berbunyi bip 3 kali (sekali setiap minit).
(3) Masa semasa dipaparkan semula.





4. Pemanas bawah akan dilaraskan dalam kedudukan mendatar secara automatik.

-  Gunakan hanya bekas yang selamat digunakan dengan gelombang mikro.

Menggunakan Ciri Memanas Semula Automatik Gril Kuasa (sambungan)

Jadual yang berikut menunjukkan Program-Program Automatik Gril Kuasa bagi Roti Bakar Hawaii dan Piza Sejuk Beku dan kuantiti, masa biar dan cadangan yang sesuai.

Program-program ini berjalan dengan gabungan gelombang mikro dan gril kuasa.

Ikon	Makanan	Saiz Hidangan	Masa Biar	Cadangan
1 	Roti Bakar Hawaii	250-300 g (2 keping) 500-550 g (4 keping)	1-2 min.	Ambil 2 atau 4 keping roti bakar dan letakkan contohnya, sekeping ham, nenas dan keju di atas setiap keping roti bakar. Letakkan roti bakar keju yang telah disediakan sebelah-menyebelah di atas rak empat segi dan masukkan rak di tingkat tinggi.
2 	Piza Sejuk Beku	300 g 400 g 500 g	-	Letakkan piza sejuk beku di atas rak empat segi dan masukkan ia di tingkat tinggi.

Menggunakan Ciri Penyahbauan


Gunakan ciri ini selepas memasak makanan yang berbau atau apabila terdapat banyak asap di dalam ketuhar.

Mula-mula bersihkan bahagian dalam ketuhar.



TEKNOLOGI
MA


TEKAN



Tekan butang **Penyahbauan** () selepas anda selesai membersihkannya. Anda akan mendengar empat bunyi bip.


- Masa penyahbauan telah ditetapkan sebagai 5 minit. Ia meningkat sebanyak 30 saat apabila butang **+30s** ditekan.
- Masa penyahbauan yang maksimum ialah 15 minit.



Mematikan Pembunyi Bip

Anda boleh mematikan pembunyi bip bila-bila sahaja anda mahu.



1. Tekan butang  dan  pada masa yang sama.
Result : Ketuhar tidak akan berbunyi bip setiap kali anda menekan sesuatu butang.




2. Untuk menghidupkan pembunyi bip kembali, tekan butang  dan  sekali lagi pada masa yang sama.
Result : Ketuhar beroperasi dengan pembunyi bipnya hidup sekali lagi.






Mengunci Ketuhar Gelombang Mikro Anda untuk Keselamatan



Ketuhar gelombang mikro anda dilengkapi dengan program Keselamatan Kanak-Kanak khas, yang membolehkan ketuhar “dikunci” supaya kanak-kanak atau sesiapa yang tidak biasa dengan ketuhar ini tidak boleh mengendalikannya dengan tidak sengaja.

Ketuhar ini boleh dikunci pada bila-bila masa.



1. Tekan butang  dan  pada masa yang sama.
Result : Ketuhar dikunci (tiada fungsi yang boleh dipilih).



2. Untuk membuka kunci ketuhar, tekan butang  dan  sekali lagi pada masa yang sama.
Result : Ketuhar boleh digunakan seperti biasa.

Menggunakan butang Pembersihan Mudah


Fungsi ini memutar Pemanas-Pemanas Bawah untuk pembersihan bahagian dalam yang Mudah.



Beroperasi hanya semasa pintu dibuka.



Tekan butang **Easy Clean (Pembersihan Mudah)**. pemanas-pemanas bawah berputar ke kedudukan mendatar. Selepas pembersihan.



Tekan butang **Pembersihan Mudah** atau butang **berhenti/batal** .

Panduan Perkakas Memasak

Untuk memasak makanan di dalam ketuhar gelombang mikro, gelombang mikro mestilah boleh menembusi makanan, tanpa dipantulkan atau diserap oleh bekas yang digunakan.

Anda haruslah berhati-hati apabila memilih perkakas memasak. Jika perkakas memasak ditandakan sebagai selamat untuk digunakan dengan gelombang mikro, anda tidak perlu bimbang.

Jadual yang berikut menyenaraikan pelbagai jenis perkakas memasak dan menunjukkan sama ada ia boleh digunakan dan cara ia seharusnya digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro.

Perkakas Memasak	Selamat untuk Digunakan dengan Gelombang Mikro	Komen
Kerajang aluminium	✓ X	Boleh digunakan dalam bentuk kepingan kecil untuk melindungi bahagian-bahagian daripada terlampau masak. Pengarkaan boleh berlaku jika kerajang terlalu hampir dengan dinding ketuhar atau jika terlalu banyak kerajang digunakan.
Pinggan memerang	✓	Jangan panaskan terlebih dahulu selama lebih dari lapan minit.
Perkakas tembikar atau tanah liat	✓	Tembikar, perkakas tanah liat yang diglis dan tembikar "bone china" biasanya sesuai, kecuali dihiasi dengan perapi logam.
Bekas kadbod poliester pakai buang	✓	Sesetengah makanan sejuk beku dibungkus dalam bekas-bekas ini.
Bungkusan makanan segera		
• Bekas cawan polistirena	✓	Boleh digunakan untuk menghangatkan makanan. Pemanasan yang terlampau boleh menyebabkan polistirena cair.
• Beg kertas atau surat khabar	X	Boleh terbakar.
• Kertas kitar semula atau perapi logam	X	Boleh menyebabkan pengarkaan.

Perkakas kaca		
• Perkakas dari ketuhar ke meja	✓	Boleh digunakan, kecuali dihiasi dengan perapi logam. Boleh digunakan untuk menghangatkan makanan atau cecair. Kaca yang halus boleh pecah atau retak jika dipanaskan secara tiba-tiba. Mesti tanggalkan tutupnya. Sesuai untuk menghangatkan sahaja.
• Perkakas kaca halus	✓	
• Balang kaca	✓	
Logam		
• Bekas	X	Boleh menyebabkan pengarkaan atau kebakaran.
• Ikat pintal beg penyejuk beku	X	
Kertas		
• Pinggan, cawan, napkin dan Kertas dapur	✓	Untuk masa memasak yang singkat dan menghangatkan. Juga untuk menyerap lembapan yang berlebihan. Boleh menyebabkan pengarkaan.
• Kertas kitar semula	X	
Plastik		
